

SULIT



Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2018/2019

Disember 2018/Januari 2019

HIT512 – Analisis Kritis Matan Hadith

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT (4) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja. Jawab DUA (2) soalan daripada Bahagian A dan DUA (2) soalan daripada Bahagian B. Jika calon menjawab lebih daripada EMPAT (4) soalan hanya EMPAT (4) soalan pertama sahaja mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

...2/-

SULIT

- 2 -

Bahagian A

1. Ignaz Goldziher (m. 1921) mengatakan bahawa penilaian matan dalam metode kritik ahli hadith sangat bergantung kepada penilaian sanad. Beliau seterusnya merumuskan bahawa ahli hadith “*have no feeling for even the crudest anachronisms provided that the isnād is correct.*”
 - [a] Bincangkan kesan negatif yang berlaku dalam ilmu hadith apabila sesetengah tokoh Islam menerima pandangan ini.
[40 markah]
 - [b] Kemukakan bantahan anda terhadap pandangan ini berserta bukti-bukti yang kukuh.
[40 markah]
 - [c] Huraikan pandangan ahli hadith berkenaan kepentingan kritik matan hadith.
[20 markah]
2. Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Memutuskan solat: anjing, perempuan dan keldai.” Apabila mendengar hadith ini, ‘Aisyah berkata: “Kamu menyamakan kami dengan keldai dan anjing?! Demi Allah, aku pernah melihat Rasulullah melakukan solat, padahal aku tengah berbaring seperti jenazah di antara baginda dengan kiblat.” (Muslim dan Abu Dawud)
 - [a] Analisis metode yang digunakan ‘Aisyah dalam mengkritik riwayat Abu Hurairah ini.
[40 markah]
 - [b] Rumuskan kaedah umum yang diamalkan oleh para Sahabat dalam menguji *dabt* perawi.
[30 markah]
 - [c] Huraikan kesan metode kritik para Sahabat Nabi SAW dalam manhaj ulama hadith selepas mereka.
[30 markah]

...3/-

- 3 -

3. Daripada Abu Hurairah: Rasulullah SAW bersabda: "Semoga Allah melaknat seseorang yang mencuri sebutir telur lalu dipotong tangannya, dan mencuri seutas tali lalu dipotong tangannya." (Al-Bukhari dan Muslim)

- [a] Hadith ini secara zahirnya menetapkan hukum potong tangan ke atas orang yang mencuri sebutir telur ataupun seutas tali. Bincangkan mengapakah jumhur ulama tidak mengamalkan makna zahir hadith ini?

[40 markah]

- [b] Ibn Qutaybah mengatakan bahawa "Kebenaran yang terkandung dalam ijmak lebih kuat berbanding kebenaran yang terkandung dalam riwayat (hadith)." Bincangkan kekuatan dan kelemahan pandangan ini.

[40 markah]

- [c] Jelaskan kepentingan *sabab wurud* hadith dalam mencapai kefahaman sebenar matan hadith.

[20 markah]

Bahagian B

4. Kekeliruan memahami matan hadith memberi kesan terhadap maksud sebenar hadith Nabi SAW. Berdasarkan kenyataan tersebut, bincangkan secara kritis istilah-istilah di bawah dengan mengemukakan contoh-contoh hadith:

- [a] *Al-Tashif fi al-Matn.* [50 markah]

- [b] *Al-Idraj fi al-Matn.* [50 markah]

- 4 -

5. 'Illaah yang terdapat pada matan hadith dapat dikenal pasti oleh para *nuqqad* berdasarkan kaedah tertentu. Berdasarkan kenyataan tersebut, analisiskan:

- [a] *Mujazafah* dan *Rakakah al-Lafz* sebagai petanda kepalsuan matan hadith dengan mengemukakan contoh-contoh hadith.

[50 markah]

- [b] Kritikan terhadap DUA buah hadith dalam *al-Sahihayn* yang dikritik atas dakwaan percanggahan matannya dengan al-Qur'an dengan mengemukakan hujah-hujah secara kritis untuk menolak dakwaan tersebut.

[50 markah]

6. Pertembungan kefahaman maksud matan hadith berlaku disebabkan oleh beberapa faktor tertentu. Berdasarkan kenyataan tersebut, huraikan:

- [a] *Al-Tafarrud.* [50 markah]

- [b] *Al-Nasikh wa al-Mansukh.* [50 markah]

- oooOooo -